



22 Jun 2022
22 June 2022
P.U. (A) 211

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(PENDEDAHAN MAKLUMAT BENGKEL)
(PINDAAN) 2022

*CONSUMER PROTECTION
(WORKSHOPS INFORMATION DISCLOSURE)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(PENDEDAHAN MAKLUMAT BENGKEL) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 150(2)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2022.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002 [P.U. (A) 271/2002], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Pengendali tiap-tiap bengkel” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pengendali bengkel”;

(b) dengan menggantikan perkataan “sekendhend” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “terpakai”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “Ringgit Malaysia” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “ringgit dan sen”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif “kenderaan motor” takrif yang berikut:

‘ “mekanik” ertinya seseorang yang memberikan perkhidmatan membaiki atau menyenggara kenderaan motor;

“pengendali bengkel” ertinya mana-mana orang yang memiliki, mengawal selia atau mengurus bengkel.’

Pindaan peraturan 3

4. Subperaturan 3(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (b) dengan memotong perkataan “dan”;

(b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) menyatakan sama ada terdapat apa-apa gerenti disediakan bagi barang ganti itu.”.

Peraturan baharu 4A

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 4 peraturan yang berikut:

“Pendedahan maklumat berkenaan dengan mekanik di bengkel

4A. (1) Pengendali bengkel hendaklah mendedahkan maklumat berhubung dengan mekanik yang bekerja di bengkel.

(2) Maklumat yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah—

(a) mengandungi senarai nama mekanik; dan

(b) tahap kemahiran atau pengalaman mekanik itu.

(3) Maklumat yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dalam bengkel itu.”.

Pindaan peraturan 6

6. Subperaturan 6(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (c) dengan memotong perkataan “dan”;
- (b) dalam perenggan (d) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) yang menyatakan sama ada perkhidmatan pembaikan itu mempunyai gerenti yang diberikan oleh bengkel.”.

Peraturan baharu 6A

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6 peraturan yang berikut:

“Pendedahan maklumat berkenaan dengan barang ganti kepada setiap pengguna

(6A) Sebelum menjalankan apa-apa perkhidmatan pembaikan bagi seseorang pengguna, pengendali bengkel hendaklah memastikan bahawa pengguna itu diberi suatu pernyataan bertulis—

- (a) yang menyatakan sama ada barang ganti itu merupakan barang ganti yang baharu, terpakai atau dibaik pulih; dan
- (b) yang menyatakan sama ada barang ganti itu mempunyai gerenti oleh bengkel.”.

Dibuat 14 Jun 2022
[KPDNKK.100-1/4/11; PN(PU2)607]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

CONSUMER PROTECTION ACT 1999

CONSUMER PROTECTION (WORKSHOPS INFORMATION DISCLOSURE)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the power conferred by paragraph 150(2)(a) of the Consumer Protection Act 1999 [Act 599], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Consumer Protection (Workshops Information Disclosure) (Amendment) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2022.

General amendment

2. Consumer Protection (Workshops Information Disclosure) Regulations 2002 [P.U. (A) 271/2002], which are referred to as the “principal Regulations” is amended—

(a) by substituting for the words “operator of every workshop” wherever appearing the words “workshop operator”;

(b) by substituting for the words “second-hand” wherever appearing the words “used”; and

(c) by substituting for the words “Malaysian Ringgit” wherever appearing the words “ringgit and sen”.

Amendment of regulation 2

3. Regulation 2 of the principal Regulations is amended by inserting after the definition of “motor vehicle” the following definitions:

‘ “mechanic” means a person who provides repair or maintenance services of a motor vehicle;

“workshop operator” means any person who owns, regulates or manages a workshop.’.

Amendment of regulation 3

4. Subregulation 3(2) of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (b) by deleting the word “and”;

(b) in paragraph (c), by substituting for the full stop at the end of the paragraph the words “; and”; and

(c) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

“(d) state whether there is any guarantee provided for the spare parts.”.

New regulation 4A

5. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 4 the following regulation:

“Disclosure of information in respect of mechanic in the workshop

4A. (1) The workshop operator shall disclose information in relation to the mechanics working in the workshop.

(2) The information referred to in subregulation (1) shall—

(a) contains a list of name of the mechanics; and

(b) the skill level or experience of the mechanic.

(3) The information referred to in subregulation (1) shall be displayed in a conspicuous position in the workshop.”.

Amendment of regulation 6

6. Subregulation 6(1) of the principal Regulations is amended—

- (a) in paragraph (c) by deleting the word “and”;
- (b) in paragraph (d) by substituting for the full stop at the end of the paragraph the words “; and”; and
- (c) by inserting after paragraph (d) the following paragraph:

“(e) stating whether the repair services has a guarantee provided by the workshop.”.

New regulation 6A

7. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 6 the following regulation:

“Disclosure of information in respect of spare part to each consumer

(6A) Before undertaking any repair service for a consumer, the workshop operator shall ensure that the consumer is provided with a written statement—

- (a) stating whether the spare part is a new, used or reconditioned spare part; and
- (b) stating whether the spare part has a guarantee by the workshop.”.

Made 14 June 2022
[KPDNKK.100-1/4/11; PN(PU2)607]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs